

OLIMPIK 2020

'Segera bangkit, terus berjuang'

Oleh Rafidah Mat Ruzki - Ogos 26, 2021 @ 10:46am
fidahruzki@bh.com.my



(Gambar fail) Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman. - FOTO Arkib NSTP

PUTRAJAYA: Penjawat awam perlu segera bangkit dan saling berpaut, sekali gus bersatu hati serta bertahan untuk terus berjuang membantu negara memerangi COVID-19, walaupun berdepan tekanan, ketidakstabilan emosi dan kelelahan pandemik.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman, berkata perubahan yang berlaku di negara ini susulan penularan COVID-19, menuntut penjawat awam mengamalkan normal baharu dalam kehidupan.

Justeru bagi mengukuhkan kekuatan dalaman, katanya, penjawat awam perlu segera adaptasi dengan normal baharu dalam kehidupan mahupun pekerjaan, kerana ia akan berupaya menjadi perisai mendepani tekanan dan kebimbangan serta memperkasakan daya tindak diri.

Selain itu, beliau berkata, penjawat awam juga mesti terbuka menerima teguran membina untuk kebaikan bersama.

"Hari ini, pepatah 'penjawat awam adalah tunjang negara' benar-benar terpateri. Menjadi tiang seri memerlukan kita untuk kekal utuh walau apa pun yang mendatang.

"Pandemik COVID-19 memberi impak besar terhadap negara dari aspek ekonomi, politik dan sosial.

"Bagaimanapun, saya percaya hikmah yang kita pelajari daripada semua ini ialah ia mengukuhkan lagi semangat perpaduan kita," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Perhimpunan Bulanan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bertema 'Mengukuh Daya Tahan, Mendepani Ketidaktentuan' secara maya, hari ini.

Mohd Khairul Adib berkata, dalam usaha memutuskan rantaian COVID-19, seluruh rakyat Malaysia termasuk penjawat awam juga bersatu memberikan sepenuh komitmen menyahut misi mencapai imuniti kelompok melalui Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Bagaimanapun apabila proses vaksinasi selesai kelak, katanya, semua pihak masih perlu mengambil langkah berjaga-jaga bagi mengelakkan jangkitan itu daripada berulang.

Seterusnya, beliau berkata, warga penjawat awam juga bertanggungjawab memastikan kestabilan negara tetap utuh menerusi pentadbiran kerajaan yang teguh, berpandukan Rukun Negara.

Sementara itu, Mohd Khairul Adib turut melancarkan Sistem Pengurusan Amalan Nilai (SPAN) 2.0 Perkhidmatan Awam yang ditambah baik dan menetapkan supaya semua kementerian, jabatan atau agensi kerajaan melaksanakan pengurusan amalan nilai secara holistik bagi meningkatkan tahap pengamalan nilai serta integriti pada peringkat individu serta organisasi.

Beliau berkata, SPAN 2.0 memberi tumpuan kepada tiga komponen utama, iaitu Pengurusan Program Nilai, Pengauditan Nilai dan Intervensi.

Ita mempunyai lima domain mengukur tahap pengamalan nilai perkhidmatan awam, iaitu Rekod Amalan Nilai, Nilai Ideal, Nilai Peribadi, Nilai Organisasi serta Maklum Balas Pelanggan.